

27/07/1999

Malaysia mahu majukan rakyat ikut cara sendiri

MENTERI Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, meminta negara maju tidak mengganggu Malaysia untuk membolehkannya membangunkan rakyat dan negara ini dengan cara sendiri.

"Kami sudah merdeka selama 42 tahun, sepatutnya kami mempunyai hak untuk menentukan hala tuju negara kami, itu saja yang kami minta. Malaysia sudah mengambil semua langkah untuk melindungi negara dan ekonominya.

"Kami sudah dikritik oleh banyak pihak. Mereka adalah suara yang meminta rakyat negara ini menjatuhkan kerajaan, kami hanya meminta tidak diganggu untuk menentukan nasib kami sendiri," katanya pada majlis makan malam LID 99 di sini, malam ini.

Pada sesi dialog selepas ucapannya, Daim sekali lagi mengulangi gesaannya supaya Malaysia dibiar melaksanakan cara sendiri untuk memakmurkan rakyatnya.

Riccardo Petrella dari Itali yang mewakili firma Kumpulan Lisbon, dalam soalnya meminta Daim mengulas cadangan supaya satu persidangan perdamaian kewangan dunia pada tahun 2002.

Katanya, pada persidangan itu, satu sistem kewangan global yang lebih adil boleh dirangka dan ditadbir badan berkuasa yang bebas, satu mata wang yang sama boleh dicipta dan perbezaan antara rantau boleh dihapuskan.

Menteri Kewangan berkata, Malaysia tidak bercita-cita besar untuk mengubah dunia.

"Cadangan anda itu patut dikemukakan kepada negara Kumpulan Tujuh (G7), kami hanya mahu dibenarkan menerajui negara dengan cara kami sendiri.

"Masalah dengan negara maju ialah mereka tidak boleh melihat kami berjaya. Sebaik nampak kami berjaya dan melihat rizab kami, mereka mahu berkongsi. Kami tidak bersedia untuk berkongsi rizab dengan mereka pada masa ini," katanya.

Berhubung cadangan supaya setiap negara berkongsi membiayai projek membekalkan air kepada warga dunia yang tidak mempunyai kemudahan itu, Daim berkata, Malaysia sedia berkongsi dengan negara jiran dan rakan-rakannya.

"Kami masih cukup air, belum menebang semua pokok. Apa yang diperlukan ialah meningkatkan taraf hidup rakyat kami. Apabila kami sudah kaya, dan setaraf dengan anda, datang berbincang (mengenai perkara ini)," katanya.

Daim berkata, Malaysia melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) untuk menangani kegawatan ekonomi dan mengembalikan keyakinan pelabur terhadap negara ini.

Bagi membolehkan pelan bertindak diterima, katanya, ia mesti berkesan, dilaksanakan menerusi perundangan, pengawasan dan pelaporan. Dalam hubungan ini MTEN menyediakan rangka kerja yang fleksibel untuk menyepadukan pelbagai komponen dalam PPEN.

Bagaimanapun, dalam usaha melaksanakan pelan, kepemimpinan politik utama mesti terbabit secara peribadi dan komited sepenuhnya dalam pelaksanaan dan pengawalseliaan rancangan.

Menurut Daim, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberikan perhatian peribadinya kepada kedua-dua aspek ini, dan memastikan kejayaan rancangan itu.

(END)